

KEPUTUSAN

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
PERMOHONAN JENYAAH NO. BA-44-218-06/2021**

ANTARA

LIM AH CHEONG
(No. K/P: 690525-08-5133)

...PEMOHON

DAN

1. **TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI**
2. **PENGUASA
PUSAT PEMULIHAN AKHLAK
BATU GAJAH, PERAK**
3. **KETUA POLIS NEGARA** **...RESPONDEN-RESPONDEN**

A. PENDAHULUAN

Satu Perintah Tahanan telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri ("TMDN") Malaysia terhadap Pemohon di bawah Seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta tersebut") agar Pemohon ditahan selama dua (2) tahun bermula 13 Oktober 2020 di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak ("PPA Batu Gajah").

B. ISU-ISU BERBANGKIT

1. **Isu Pertama:**
Rakaman percakapan yang direkodkan oleh Pegawai Penyiasat Polis ("I.O") bersama dengan jurubahasa Cina adalah defektif menurut seksyen 4 Akta tersebut.
2. **Isu Kedua:**
Pengataan Fakta yang menjadi asas kepada Perintah Tahanan Pemohon adalah defektif kerana gagal membuktikan bahawa

Pemohon adalah seorang yang dikategorikan sebagai “substantial body of persons involved in activity relating to or involving the tracking in dangerous drugs”.

3. **Isu Ketiga:**
Kelewatan 36 hari oleh I.O dalam mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada Pegawai Siasatan, Kementerian Dalam Negeri (“I.O KDN) dan TMDN.
4. **Isu Keempat:**
Hak Pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat dengan kehadiran peguambela di bawah seksyen 9(1) Akta tersebut telah dinafikan.
5. **Isu Kelima:**
Pemohon telah dinafikan hak beliau untuk mendapat “a fair trial” apabila saksi-saksi yang dipohon oleh Pemohon tidak dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat.

C. KRONOLOGI

17-08-2020	Pemohon telah ditangkap di bawah seksyen 3 (1) Akta tersebut
21-08-2020	Rakaman percakapan pemohon telah diambil oleh Pegawai Penyiasat Polis
22-08-2020	Rakaman percakapan saksi-saksi telah diambil oleh Pegawai Penyiasat Polis
24-08-2020	Rakaman percakapan saksi-saksi telah diambil oleh Pegawai Penyiasat Polis
26-08-2020	DSP Chong Boo Khim telah menerima fail kes berkaitan dengan penangkapan dan penahanan Pemohon. DSP Chong Boo Khim telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan Pemohon kepada ACP Hasnan bin Hassin. ACP Hasnan bin Hassin telah menerima laporan hal penangkapan dan penahanan Pemohon

28-08-2020	<p>ACP Hasnan bin Hassin telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan Pemohon kepada Menteri Dalam Negeri.</p> <p>Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerima laporan hal penangkapan dan penahanan Pemohon.</p>
22-09-2020	<p>Pegawai Penyiasat Polis telah mengemukakan Laporan Lengkap Bertulis kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri (KDN).</p> <p>Pegawai Siasatan KDN telah menerima Laporan Lengkap Penyiasatan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat Polis.</p> <p>Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerima Laporan Lengkap Penyiasatan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat Polis.</p>
25-09-2020	<p>Pegawai Siasatan telah menjalankan siasatan fizikal ke atas Pemohon.</p>
28-09-2020	<p>Pegawai Siasatan KDN mengemukakan laporan lengkap bertulis kes Pemohon kepada Menteri Dalam Negeri</p>
13-10-2020	<p>Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan Perintah Tahanan ke atas Pemohon di bawah Seksyen 6(1) Akta tersebut.</p> <p>Pegawai Penyiasat Polis telah menyerahkan Perintah Tahanan kepada Pemohon.</p>
14-10-2020	<p>Pemohon telah dibawa ke PPA Batu Gajah.</p> <p>Pegawai Yang Menjaga PPA Batu Gajah telah menerima masuk Pemohon.</p> <p>Pegawai Yang Menjaga PPA Batu Gajah telah menghantar Borang 1 Pemohon kepada Lembaga Penasihat.</p> <p>Lembaga Penasihat telah menerima Borang 1 Pemohon.</p>

16-10-2020	Lembaga Penasihat telah mengeluarkan Notis Pendengaran Representasi (Borang 2) bertarikh 16-10-2020 untuk diserahkan kepada Pemohon.
20-10-2020	Warder PPA Batu Gajah telah menyerahkan Borang 2 bertarikh 16-10-2020 kepada Pemohon.
28-10-2020	Persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi Pemohon telah ditangguhkan atas kerana Pemohon tidak dapat hadir (masih dalam tempoh 14 hari kuarantin). Lembaga Penasihat telah mengeluarkan Notis Pendengaran Representasi (Borang 2) bertarikh 28-10-2020 untuk diserahkan kepada Pemohon.
02-11-2020	Warder PPA Batu Gajah telah menyerahkan Borang 2 bertarikh 28-10-2020 kepada Pemohon
24-11-2020	Persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi Pemohon telah ditangguhkan atas permintaan Pemohon. Lembaga Penasihat telah mengeluarkan Notis Pendengaran Representasi (Borang 2) bertarikh 24-11-2020 untuk diserahkan kepada Pemohon.
25-11-2020	Warder PPA Batu Gajah telah menyerahkan Borang 2 bertarikh 24-11-2020 kepada Pemohon
08-12-2020	Persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi Pemohon telah dijalankan.
22-12-2020	Lembaga Penasihat telah mengemukakan syor kes Pemohon kepada Yang diPertuan Agong (YDPA).
26-12-2020	YDPA telah memperkenankan syor Lembaga Penasihat supaya Perintah Tahanan Pemohon diteruskan.

ISU PERTAMA:

Rakaman percakapan yang direkodkan oleh I.O bersama dengan jurubahasa Cina adalah defektif menurut seksyen 4 Akta tersebut.

1. Pemohon mendakwa bahawa rakaman percakapan Pemohon adalah defektif kerana ianya telah dibacakan kepada seorang individu lain yang bukannya Pemohon. Pemohon juga mencabar kandungan rakaman percakapan tersebut berhubung

maklumat tahun kematian bapa Pemohon, nama bapa Pemohon, nama panggilan Pemohon dan pekerjaan Pemohon.

(Merujuk pada Afidavit Pemohon di Lampiran 3)

2. Di antara perkara-perkara yang dipertikaikan oleh Pemohon adalah seperti berikut:
 - 2.1 Seorang jurubahasa Cina telah dibekalkan, namun begitu dia tidak menjelaskan kandungan rakaman percakapan kepada Pemohon secara terperinci. Hanya diberitahu perlu menandatangani rakaman percakapan tersebut kerana kebanyakan kandungan adalah hanya tentang undang-undang dan ini merupakan prosedur mereka yang biasa dan tidak memudaratkan Pemohon.
 - 2.2 Rakaman percakapan terhadap Pemohon dan saksi-saksi tidak dibuat menurut peruntukan undang-undang, malahan pernyataan-pernyataan tersebut adalah tidak benar dan bukan keterangan daripada Pemohon.
 - 2.3 Pemohon tiada pengetahuan rakaman percakapan yang ditandatanganinya serta tidak diberi peluang untuk memahami dan meminda rakaman percakapan tersebut.
 - 2.4 Nama panggilan Pemohon adalah Ah Cheong dan bukannya Ah Meng seperti mana yang tertera dalam butiran di muka surat pertama dalam rakaman percakapan tersebut. Juga tentang butiran pekerjaan Pemohon yang bekerja sebagai pembantu dapur/tukang masak dan bukan sebagai nelayan seperti mana terdapat dalam butiran di muka surat pertama rakaman percakapan tersebut.
 - 2.5 Selain daripada itu Pemohon pertikaikan tentang butiran tarikh kematian bapanya, di mana adalah mustahil bapa Pemohon meninggal dunia pada tahun 1969 seperti mana tertera dalam perenggan 1.1 sedangkan Pemohon lahir pada tahun tersebut dan masih mempunyai enam orang adik beradik lagi. Pemohon menyatakan bahawa bapanya meninggal dunia pada tahun 2011. Sila rujuk eksibit "LAC-1".

- 2.6 Merujuk muka surat 9 rakaman percakapan tersebut, ia dibacakan balik kepada seorang yang bernama Lim Chiang Leng (No. K/P: 621110-08-6311) di mana nama dan nombor kad pengenalan tersebut bukan kepunyaan Pemohon. Rakaman percakapan tersebut adalah rakaman percakapan Lim Chiang Leng dan nama panggilan di butiran tersebut iaitu 'Ah Meng' adalah kepunyaan Lim Chiang Leng. Begitu juga pekerjaan yang tertera di butiran rakaman percakapan sebagai nelayan merupakan pekerjaan Lim Chiang Leng (sila rujuk rakaman percakapan eksibit "LAC-2").
- 2.7 Besar kemungkinan bahawa rakaman percakapan yang direkodkan daripada Pemohon telah dipinda oleh Inspektor Jaya Prakash (dan bukan daripada jawapan Pemohon sendiri) untuk menjadikan kandungan rakaman percakapan yang dikatakan direkodkan daripada Pemohon adalah konsisten dengan keterangan yang diambil daripada saksi-saksi.
- 2.8 Meskipun bahawa kesilapan-kesilapan yang dinyatakan di perenggan 15, 16 dan 17 merupakan 'typing error' Inspektor Jaya Prakash, ini jelas menunjukkan ia hanya 'cut and paste' daripada keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi semasa menyediakan rakaman percakapan yang dikatakan direkodkan daripada Pemohon.
- 2.9 Merujuk perenggan 6 Afidavit Jawapan Pemohon bahawa kemungkinan tinggi rakaman percakapan tersebut kepunyaan Lim Chiang Leng (No. K/P: 621110-08-6311) memandangkan bahawa Lim Chiang Leng juga telah ditangkap pada hari yang sama pada 16 Ogos 2020, jam 5.15 pagi (45 minit selepas Pemohon ditangkap) di Pantai Remis bersangkutan dengan kes dadah kerana terdapat dadah dijumpai di rumah (rujuk pada eksibit LAC-1 dan LAC-2).
3. Inspektor Polis Jaya Prakash a/l Vangadasalam merupakan I.O yang telah merakamkan percakapan Pemohon.

Merujuk pada Afidavit Jawapan Inspektor Jaya Prakash a/l Vangadasalam, Pegawai Penyiasat Polis:

“6. Sebelum sesi rakaman percakapan Pemohon dimulakan, saya terlebih dahulu bertanya kepada Pemohon sama ada Pemohon memahami Bahasa Malaysia yang saya gunakan dan Pemohon telah memaklumkan bahawa Pemohon memahami Bahasa Malaysia yang saya gunakan dan Pemohon juga fasih berbahasa Mandarin. Kemudian, saya telah bertanya kepada Pemohon sama ada Pemohon memerlukan khidmat jurubahasa dan Pemohon memaklumkan bahawa Pemohon memerlukan khidmat Jurubahasa Mandarin. Oleh itu, saya telah mengarahkan DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM untuk bertindak sebagai Jurubahasa Mandarin sepanjang sesi rakaman percakapan Pemohon tersebut. Bagi memastikan Pemohon memahami Bahasa Mandarin yang digunakan oleh DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM, DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM telah terlebih dahulu bertanya berkenaan butir-butir peribadi Pemohon yang mana Pemohon dapat menjawab dengan sempurna menggunakan Bahasa Mandarin. Pemohon seterusnya mengakui memahami Bahasa Mandarin yang digunakan oleh DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM dan sepanjang sesi rakaman percakapan tersebut, Pemohon boleh berkomunikasi dengan saya dalam Bahasa Malaysia dan dengan DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM dalam Bahasa Mandarin dengan lancar dan tanpa sebarang masalah.

7. Seterusnya, saya telah menerangkan kepada Pemohon bahawa tujuan rakaman percakapan di bawah seksyen 4 Akta tersebut diambil adalah untuk tujuan siasatan. Selanjutnya, saya juga telah menjelaskan kepada Pemohon bahawa Pemohon perlu berkata benar dan menjawab semua soalan yang dikemukakan. Saya juga telah menerangkan dalam Bahasa Malaysia dan telah diterjemahkan ke Bahasa Mandarin kepada Pemohon mengenai prasyarat sebelum rakaman percakapan Pemohon diambil daripada Pemohon iaitu Pemohon perlu menjawab semua soalan yang dikemukakan dan perlu menyatakan yang benar dan Pemohon terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang sebenarnya, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan. Segala penerangan saya tersebut telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Mandarin oleh DETEKTIF SARJAN YOU

JUN LIM kepada Pemohon dan Pemohon mengakui memahami penerangan oleh saya dan juga terjemahan yang telah dibuat oleh DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM.

8. Seterusnya, saya telah merakamkan percakapan Pemohon dengan menaipkan percakapan Pemohon menggunakan komputer yang disediakan dan pada sepanjang masa tersebut, DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM telah bertindak sebagai Jurubahasa Mandarin kepada Pemohon. DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM telah menterjemahkan segala pertanyaan saya kepada Pemohon dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Mandarin dan seterusnya telah menterjemahkan segala percakapan Pemohon dari Bahasa Mandarin ke dalam Bahasa Malaysia kepada saya. Setelah selesai merakamkan percakapan Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut, saya telah mencetak rakaman percakapan Pemohon dan saya telah membacakan semula kepada Pemohon segala isi kandungan keterangan dan rakaman percakapan Pemohon tersebut dalam Bahasa Malaysia dan telah diterjemahkan keseluruhan isi kandungan dokumen tersebut kepada Pemohon dalam Bahasa Mandarin oleh SARJAN YOU JUN LIM. Pemohon kemudiannya telah mengaku bahawa semua maklumat yang terkandung dalam rakaman percakapan Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut adalah benar seperti yang Pemohon telah berikan kepada saya. Pemohon juga telah bersetuju dengan isi kandungan rakaman percakapan Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut dan Pemohon menyatakan bahawa tiada sebarang pindaan yang perlu dilakukan kerana semua isi kandungan rakaman percakapan Pemohon tersebut adalah benar.

9. Memandangkan Pemohon telah mengesahkan segala isi kandungan rakaman percakapan Pemohon tersebut dan tiada pindaan perlu dibuat, saya telah meminta Pemohon untuk menurunkan tandatangan dan cap jari Pemohon di setiap helaian rakaman percakapan Pemohon tersebut. Pemohon kemudiannya telah menurunkan tandatangan dan cap jari Pemohon di setiap helaian rakaman percakapan Pemohon tersebut dengan rela hati dan tanpa sebarang paksaan. Sebelum itu, saya juga telah memberitahu Pemohon bahawa Pemohon boleh untuk tidak menandatangani dan menurunkan cap jari pada dokumen

tersebut sekiranya Pemohon tidak memahami atau tidak bersetuju dengan isi kandungan dokumen berkenaan. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa saya telah menggunakan Bahasa Malaysia dengan Pemohon dan Pemohon telah mengakui memahaminya. Seterusnya, DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM telah melakukan perterjemahan dalam Bahasa Mandarin kepada Pemohon dan Pemohon juga mengakui telah memahaminya. Sesungguhnya, segala tatacara rakaman serta langkah-langkah yang teratur telah dibuat dengan mematuhi peruntukan undang-undang tanpa memprejudiskan Pemohon.”

4. I.O turut mengarahkan Detektif Sarjan You Jun Lim untuk bertindak sebagai Jurubahasa Mandarin sepanjang sesi rakaman percakapan Pemohon tersebut dijalankan.

Berkaitan isu kesilapan pada beberapa perkara, Inspektor Polis Jaya Prakash a/l Vangadasalam di dalam keterangan afidavitnya telah menjelaskan bahawa sememangnya terdapat kesilapan pengkeranian yang tidak disengajakan berhubung catatan tahun kematian bapa Pemohon di muka surat (2) serta nama Pemohon sebagai 'Lim Chiang Leng' di muka surat 9 rakaman percakapan tersebut.

Diperturunkan semula afidavit beliau:

“Afidavit Jawapan Inspektor Polis Jaya Prakash a/l Vangadasalam, Pegawai Penyiasat Polis

27. Merujuk kembali kepada perenggan 16, 17, dan 18 Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya menyatakan bahawa terdapat kesilapan pengkeranian (“typing error”) pada rakaman percakapan Pemohon yang telah dirujuk sebagai eksibit “LAC-2” dalam Afidavit Pemohon. Pertama sekali, di muka surat dua (2), perenggan 1.1 iaitu berhubung maklumat tahun bapa Pemohon telah meninggal dunia, dan di muka surat sembilan (9), pada perenggan yang menyatakan bahawa rakaman percakapan tersebut dibacakan balik kepada “Lim Chiang Leng”. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa kesilapan menyatakan tahun kematian bapa Pemohon serta mencatatkan nama “Lim Chiang Leng” berkenaan adalah kesilapan

pengkeranian yang tidak disengajakan semasa saya menaip rakaman percakapan Pemohon pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, segala maklumat yang terkandung dalam rakaman percakapan pada eksibit "LAC-2" Afidavit Pemohon tersebut adalah sebenar-benarnya keterangan yang diberikan oleh Pemohon sendiri kepada saya semasa sesi rakaman percakapan Pemohon tersebut. Sebagai tambahan, saya sesungguhnya menyatakan bahawa keseluruhan isi kandungan rakaman percakapan tersebut telah dibacakan semula kepada Pemohon dan diterjemahkan semula oleh DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM dalam Bahasa Mandarin. Pemohon sendiri telah mengakui keseluruhan kandungan rakaman percakapan sebagai benar, tanpa menyedari wujudnya kesilapan pengkeranian tersebut atau memaklumkan kepada saya berhubung kesilapan butiran tersebut. Pemohon juga kemudiannya telah menurunkan tandatangan dan cap jari Pemohon di setiap helaian rakaman percakapan Pemohon tersebut dengan rela hati dan tanpa sebarang paksaan. Memandangkan setiap helaian rakaman percakapan tersebut telah ditandatangani oleh Pemohon sendiri setelah dibacakan, diterangkan dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Mandarin kepada Pemohon, dakwaan Pemohon yang menyatakan bahawa kandungan rakaman percakapan Pemohon tersebut telah dipinda oleh saya serta di"cut and paste" daripada keterangan saksi-saksi lain adalah sama sekali tidak benar dan tidak berasas."

Berkaitan isu nama serta pekerjaan Pemohon, fakta tersebut adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pemohon sendiri semasa beliau merekodkan keterangan Pemohon dan hal ini diterangkan oleh beliau di dalam afidavitnya seperti berikut:

"Afidavit Jawapan Inspektor Polis Jaya Prakash a/ Vangadasalam, Pegawai Penyiasat Polis

26. Merujuk kepada perenggan 15, 16, 17, dan 18 Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya menafikan dakwaan-dakwaan tersebut dan mengulangi pernyataan saya dalam perenggan 5 hingga 12 dan 25 di atas. Saya sekerasnya menafikan dakwaan Pemohon yang menyatakan bahawa nama panggilan Pemohon adalah "Ah Cheong" dan bukannya "Ah Meng" dan pekerjaan Pemohon adalah

sebagai pembantu dapur/ tukang masak (chef assistant) dan bukannya nelayan, sebagaimana dicatatkan di dalam rakaman percakapan Pemohon tersebut. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa maklumat-maklumat yang telah disangkal oleh Pemohon tersebut merupakan maklumat-maklumat yang sebenar-benarnya telah diberikan oleh Pemohon sendiri kepada saya semasa sesi rakaman percakapan Pemohon tersebut. Dalam erti kata lain, Pemohon sendiri telah menyatakan bahawa nama panggilan Pemohon adalah "Ah Meng" dan pekerjaan Pemohon yang terkini adalah nelayan di Pantai Remis, Perak. Justeru, dakwaan Pemohon yang menyangkal maklumat berkenaan nama panggilan "Ah Meng" dan pekerjaan sebagai nelayan adalah sekadar penafian kosong ("bare denial") semata-mata."

5. Terdapat beberapa perkara yang dipertikaikan oleh Pemohon yang mana Mahkamah berpendapat bahawa ia telah menimbulkan keraguan tentang kesahihan rakaman percakapan tersebut.

Tidak dinafikan bahawa Lim Chiang Leng juga ditangkap pada hari yang sama dengan Pemohon. Tiada sesiapa yang boleh mengesahkan sama ada kandungan rakaman percakapan berkenaan dengan aktiviti pengedaran dadah adalah dilakukan oleh Pemohon atau oleh Lim Chiang Leng.

6. Begitu juga terdapat banyak kesalahan tentang butir-butir di dalam rakaman percakapan tersebut. Alasan daripada I.O bahawa terdapat 'typing error' merupakan satu alasan yang tidak kredible. Apatah lagi jika dirujuk kepada rakaman percakapan tersebut di muka surat 9, ia menunjukkan bahawa ia merupakan 'cut and paste'.
7. Mahkamah ini pertikaikan tentang kesahihan maklumat di dalam rakaman percakapan tersebut. Keterangan I.O seharusnya diteliti dengan cermat oleh Mahkamah memandangkan bahawa rakaman percakapan ini merupakan eksibit yang penting untuk dipertimbangkan sama ada asas untuk tahanan Pemohon di bawah Akta tersebut.
8. Kesilapan dalam rakaman percakapan atas alasan kesilapan 'typing error' adalah tidak adil dan memprejudiskan Pemohon.

Oleh kerana itu Mahkamah mendapati bahawa isu ini adalah bermerit.

ISU KEDUA:

Pengataan Fakta yang menjadi asas kepada Perintah Tahanan Pemohon adalah defektif kerana gagal membuktikan bahawa Pemohon adalah seorang yang dikategorikan sebagai “substantial body of persons involved in activity relating to or involving the trafficking in dangerous drugs”.

1. Adalah tidak mencukupi untuk pengataan-pengataan fakta hanya menyatakan bahawa Pemohon menjual dadah berbahaya. Ia tidak menunjukkan bahawa Pemohon adalah sebahagian daripada sekumpulan besar orang. Penjualan hanya merujuk kepada seorang pengedar sahaja dan bukan sekumpulan pengedar. Terdapat juga keterangan bahawa dadah tersebut untuk ‘personal consumption’ oleh Pemohon.
2. Merujuk pada kes **Selva Vinayagam a/l Sures v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Anor**, Rayuan Jenayah No. 05(HC)-270-11/2019(B), keputusan Mahkamah Persekutuan seperti berikut:

*‘For the foregoing reasons, we think that the respondent’s argument that the Long Title and Preamble is not relevant for the purposes of interpreting subsection 6(1) is incongruous. It is clear that the power under subsection 6(1) may only be exercised if the following three key ingredients are set out in the grounds of the detention order and allegations of fact. **One, that the activity which has been taken or is being threatened by a substantial body of persons relates to or involves the trafficking in dangerous drugs. Two, that the detenu is a member of a substantial body of persons. Three, that the Minister is satisfied that it is necessary in the interest of public, order that the detenu be subject to preventive detention.**’*

3. Pihak Responden telah gagal menyatakan bahawa Pemohon terlibat dalam mana-mana sindiket dan aktiviti pengedaran dadah. Pemohon bertindak secara individu dan tiada berkait

dengan sebarang kegiatan bersifat jenayah bersindiket atau pengedaran dadah secara besar-besaran.

4. Mahkamah mendapati isu ini adalah bermerit.

ISU KETIGA:

Kelewatan 36 hari oleh I.O dalam mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada I.O KDN dan TMDN.

1. Di dalam kes ini wujud kelewatan selama tiga puluh enam (36) hari oleh I.O dalam menyerahkan laporan lengkap kepada Menteri Dalam Negeri dan I.O KDN.

Kronologi adalah seperti berikut:

- i) Tangkapan Pemohon : 17.08.2020
- ii) Rakaman Percakapan Pemohon : 21.08.2020
- iii) Rakaman Percakapan saksi-saksi
Dijalankan : 22.08.2020
24.08.2020
25.08.2020
- iv) Laporan dikemukakan kepada
Menteri dan Pegawai Siasatan KDN : 22.09.2020

2. Rujukan dibuat kepada afidavit I.O dan diperturunkan dengan ayat asal:

"Afidavit Jawapan Inspektor Polis Jaya Prakash A/L Vangadasalam, Pegawai Penyiasat Polis

13. *Saya ingin menegaskan bahawa laporan lengkap penyiasatan terhadap Pemohon di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut hanya dapat dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri pada 22-09-2020 kerana:*

- (a) *Proses siasatan dan soal siasat kes Pemohon ini sesungguhnya memerlukan masa. Selain soal siasat yang dijalankan terhadap Pemohon, saya juga perlu menjalankan soal siasat dan mengambil rakaman keterangan saksi-saksi lain yang berkaitan dengan penangkapan Pemohon. Soal siasat dan rakaman*

keterangan yang diambil terhadap kesemua saksi-saksi ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang tepat berhubung penglibatan Pemohon dalam kes ini;

- (b) Setelah selesai proses soal siasat dan rakaman keterangan ke atas kesemua saksi dijalankan, semua rakaman keterangan saksi-saksi berkaitan perlu diteliti dan dipertimbangkan dengan sebaiknya bagi tujuan penyediaan dan pengemukaan laporan di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut terhadap Pemohon kepada Menteri Dalam Negeri dan kepada Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri;*
- (c) Selain menjalankan tugas sebagai Pegawai Penyiasat bagi kes Pemohon, saya juga bertanggungjawab terhadap tugas-tugas hakiki saya yang lain yang juga telah mengambil masa di mana saya terlibat sebagai Pegawai Operasi dan saya perlu mengikut arahan pihak atasan untuk mengetuai Operasi-Operasi yang telah ditetapkan hampir setiap hari. Saya juga perlu menghadiri perbincangan kes jenayah yang telah ditetapkan oleh Mahkamah iaitu bagi kes-kes yang berada di bawah tanggungjawab saya sebelum ini;*
- (d) Saya perlu memastikan jenis dadah yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti Pemohon adalah merupakan dadah berbahaya sepertimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];*
- (e) Saya perlu memastikan tempat/ kawasan pengedaran yang terlibat dengan aktiviti Pemohon adalah sah dan wujud. Tindakan ini memerlukan saya untuk membuat siasatan sendiri ke tempat/kawasan pengedaran yang terlibat; dan*
- (f) Secara terperinci, saya sesungguhnya ingin menyatakan seperti berikut:*

*1.1 Pada **17-08-2020**, penangkapan Pemohon di bawah seksyen 3(1) Akta tersebut telah dibuat dan siasatan peringkat awal terhadap Pemohon telah dilaksanakan;*

- 1.2 Pada **18-08-2020**, saya telah berada di pejabat untuk menjalankan tugas-tugas hakiki saya dan saya telah menyediakan kebenaran untuk melanjutkan tahanan Pemohon di bawah seksyen 3(2)(a) di bawah Akta tersebut;
- 1.3 Pada **19-08-2020 dan 20-08-2020**, saya telah berada di pejabat untuk mengemaskini fail kes Pemohon. Saya juga telah mengenal pasti saksi-saksi lain yang telah atau pernah terlibat dengan kes Pemohon dan saya telah membuat semakan rekod kesalahan jenayah lampau Pemohon;
- 1.4 Pada **21-08-2020**, saya telah berjumpa dengan Pemohon untuk merakamkan percakapan Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut;
- 1.5 Pada **22-08-2020**, saya telah menjalankan rakaman percakapan terhadap seorang saksi bagi kes Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut;
- 1.6 Pada **23-08-2020**, saya telah mengemaskini fail kes Pemohon dengan memasukkan maklumat-maklumat tambahan berkenaan kes Pemohon. Saya juga telah mengarahkan anggota saya untuk mengesan saksi-saksi lain yang pernah terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah berbahaya Pemohon;
- 1.7 Pada **24-08-2020**, saya telah menjalankan rakaman percakapan terhadap seorang lagi saksi bagi kes Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut;
- 1.8 Pada **25-08-2020**, saya telah menjalankan rakaman percakapan terhadap seorang lagi saksi bagi kes Pemohon di bawah seksyen 4 Akta tersebut;
- 1.9 Pada **26-08-2020**, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan saya juga telah menyediakan laporan mengenai hal keadaan penangkapan dan penahanan terhadap Pemohon

untuk dikemukakan kepada DSP Chong Boo Khim;

- 1.10 Pada **27-08-2020 hingga 31-08-2020**, saya berada di pejabat dan telah mengemaskini fail kes Pemohon dengan memasukkan maklumat tambahan yang telah diperolehi. Sepanjang tempoh tersebut, cubaan mengesan saksi-saksi lain yang pernah terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah berbahaya Pemohon terus dijalankan;
- 1.11 Pada **01-09-2020 hingga 04-09-2020**, saya telah terlibat dengan Ops Tapis yang telah dijalankan secara harian di sekitar daerah Manjung, Perak. Sepanjang tempoh tersebut, siasatan terhadap kes Pemohon terus dijalankan, di mana usaha mengesan saksi-saksi lain yang pernah terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah berbahaya Pemohon telah diteruskan;
- 1.12 Pada **05-09-2020**, saya bersama bersama anggota dari Pejabat Risikan dan Tahanan, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung, Perak telah keluar ke lokasi/ kawasan pengedaran yang melibatkan Pemohon dan merakam gambar lokasi/ kawasan pengedaran. Saya juga telah menjalankan usaha mengesan saksi-saksi lain bagi kes Pemohon;
- 1.13 Pada **06-09-2020 hingga 10-09-2020**, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut. Pada sebelah petang, saya bersama anggota-anggota lain telah terlibat dengan Operasi Pemantauan Pematuhan SOP Covid-19 di sekitar Daerah Manjung, Perak;
- 1.14 Pada **11-09-2020**, saya telah menghadiri mesyuarat bersama Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik berhubung tugas rasmi saya

di Bilik Mesyuarat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Polis Daerah Manjung, Perak. Setelah selesai, saya berada di bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut;

- 1.15** Pada **12-09-2020**, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut. Setelah selesai, saya telah keluar ke lokasi/ kawasan pengedaran yang melibatkan subjek lain di sekitar daerah Manjung, Perak;
- 1.16** Pada **13-09-2020 hingga 16-09-2020**, saya telah terlibat dengan Ops Tapis yang telah dijalankan secara harian di sekitar daerah Manjung, Perak. Sepanjang tempoh tersebut, siasatan terhadap kes Pemohon terus dijalankan, di mana usaha mengesan saksi-saksi lain yang pernah terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah berbahaya Pemohon telah diteruskan;
- 1.17** Pada **17-09-2020**, saya telah merakam percakapan saksi-saksi bagi kes melibatkan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut. Setelah selesai, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut;
- 1.18** Pada **18-09-2020**, saya telah menghadiri perbincangan kes jenayah di Mahkamah Tinggi Ipoh (sebagai saksi). Setelah selesai, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut;
- 1.19** Pada **19-09-2020 dan 20-09-2020**, saya berada di pejabat bagi mengemaskini fail kes Pemohon dan subjek-subjek lain yang telah ditahan di bawah Akta tersebut. Pada sebelah petang, saya bersama anggota-anggota lain telah terlibat

dengan Operasi Pemantauan Pematuhan SOP Covid-19 di sekitar daerah Manjung;

*1.20 Pada **21-09-2020**, saya telah berpuas hati bahawa usaha mengesan saksi-saksi lain berhubung kes Pemohon tidak berhasil dan oleh itu, saya memutuskan untuk memuktamadkan siasatan berdasarkan keterangan sedia ada. Saya selanjutnya telah mengemaskini fail kes Pemohon dengan memasukkan maklumat-maklumat tambahan yang telah saya perolehi bagi tujuan memuktamadkan siasatan saya sebelum saya mengambil tindakan lanjut di bawah Akta tersebut; dan*

*1.21 Pada **22-09-2020**, saya telah melengkapkan dan selanjutnya mengemukakan laporan lengkap penyiasatan terhadap Pemohon di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri.*

Saya sesungguhnya menyatakan bahawa siasatan terhadap Pemohon telah dilengkapkan serta laporan penyiasatan di bawah seksyen 3(3) telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh masa yang munasabah dan dibenarkan di bawah Akta tersebut, serta dalam kesegeraan yang praktik. Tempoh masa tersebut adalah perlu bagi membolehkan saya menjalankan siasatan secara menyeluruh dan lengkap ke atas Pemohon dan pada masa yang sama, menjalankan tugas rasmi dan tanggungjawab hakiki saya yang lain sebagai seorang Pegawai Kanan Polis. Saya juga ingin menegaskan bahawa usaha mengesan saksi-saksi lain kes Pemohon dilakukan oleh pihak polis kerana saksi-saksi ini merupakan sebahagian rangkaian kepada kegiatan pengedaran dadah Pemohon. Tambahan pula, wabak pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada operasi harian pihak polis apabila pihak polis juga terlibat dengan Operasi Pemantauan Pematuhan SOP Covid-19 di kawasan-kawasan penugasan. Saya menegaskan bahawa saya tidak dapat mengemukakan laporan lengkap penyiasatan

kes Pemohon kerana penzahiran laporan lengkap penyiasatan Pemohon tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan, memandangkan laporan tersebut mengandungi maklumat sulit berkaitan dengan saksi-saksi yang telah memberikan keterangan terhadap Pemohon secara sulit dan berasingan. Justeru, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.”

3. Meneliti kepada alasan-alasan yang dideposkan oleh I.O di perenggan 13 Afidavit Jawabannya, adalah nyata bahawa kebanyakan alasan-alasan yang dikemukakan bersifat alasan pentadbiran seperti kerja-kerja lain, meneliti fail kes Pemohon, meneliti dokumen-dokumen kes, memeriksa saksi lain, menjalankan operasi serta memeriksa saksi-saksi lain.
4. Ini bukanlah alasan-alasan yang boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah memandangkan ia merupakan tugas prosedural oleh semua pegawai. Alasan yang dikemukakan oleh Inspektor Jaya Prakash tentang kelewatan 36 hari adalah tidak kredibel.
5. Merujuk pada kes Mahkamah Persekutuan **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri & Anor [2020] 1 CLJ 747** seperti berikut:

[64] For clarity, the appeal before us did not concern the manner in which the inquiry was conducted as stipulated under s 5(3), but rather on the time taken by the Inquiry Officer to conduct the inquiry against the appellant upon receiving the police investigation report on 25 October 2017, as stipulated.

[68] As the burden to prove the detention was lawful lies on the eport was completed with convenient speed or without inordinate delay remains a matter for the detaining authority ie the respondents, to establish. It is trite that where there is delay on the part of the respondents to complete the report with "convenient speed", it is incumbent upon the respondents to discharge the burden of proffering a satisfactory explanation for the delay. Thus, as we have eluded to earlier, if there is no explanation given, the court will assume that there are no reasons.'

6. I.O mengambil masa untuk proses soal siasat bagi Pemohon dan saksi-saksi lain, tugas untuk memastikan jenis dadah yang terlibat adalah dadah berbahaya, membuat siasatan ke tempat pengedaran yang terlibat, selain daripada mengendalikan tugas hakiki. Terdapat 'inordinate delay' dalam mengendalikan siasatan kes terhadap Pemohon.
7. Mahkamah mendapati bahawa isu kelewatan selama 36 hari ini adalah bermerit.

ISU KEEMPAT DAN ISU KELIMA:

Hak Pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat dengan kehadiran peguambela di bawah seksyen 9(1) Akta tersebut telah dinafikan; dan

Pemohon telah dinafikan hak beliau untuk mendapat 'a fair trial' apabila saksi-saksi yang dipohon oleh Pemohon tidak dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat.

Kedua-dua isu ini akan dibincangkan bersama kerana saling berkait.

1. Pemohon membangkitkan bahawa kegagalan penangguhan pendengaran representasi serta kegagalan saksi-saksi untuk hadir telah menyebabkan hak Pemohon telah dinafikan serta pelanggaran Perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.
2. Pemohon menyatakan bahawa permohonan telah dibuat untuk suatu penangguhan, namun permohonan berkenaan telah tidak dibenarkan oleh Lembaga Penasihat.
3. Rujukan dibuat kepada affidavit Cassius Anak Duwin iaitu Setiausaha Lembaga Penasihat. Diperturunkan affidavitnya dengan ayat asal:

"Affidavit Jawapan Cassius Anak Duwin, Setiausaha Lembaga Penasihat

11. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Pemohon telah hadir di hadapan Lembaga Penasihat dan telah menggunakan peluang representasi dengan sempurna. Saya menegaskan bahawa Pemohon telah diberikan hak

untuk diwakili oleh peguam dan hak untuk memanggil saksi-saksi. Sebelum prosiding representasi Pemohon dijalankan, Pemohon telah ditanya sama ada Pemohon memahami Bahasa Malaysia. Pemohon telah memberitahu bahawa Pemohon memahami Bahasa Malaysia dan fasih berbahasa Mandarin. Kemudian Pemohon telah ditanya dalam Bahasa Malaysia sama ada Pemohon memerlukan khidmat jurubahasa atau tidak dan Pemohon telah memberitahu bahawa Pemohon memerlukan khidmat Jurubahasa Mandarin. Oleh yang demikian, pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan INSPEKTOR POLIS NG CHUN JIE untuk bertindak sebagai Jurubahasa Mandarin bagi menterjemahkan kepada Pemohon berkenaan dengan tatacara prosiding representasi tersebut ke dalam Bahasa Mandarin dan bersedia untuk membantu Pemohon sepanjang persidangan representasi Pemohon tersebut untuk menterjemahkan semula apa-apa prosiding representasi yang tidak difahami oleh Pemohon. **Lembaga Penasihat juga telah bertanya sama ada Pemohon ingin melantik peguambela atau memanggil saksi-saksi Pemohon. Pemohon seterusnya telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak mahu melantik peguam dan Pemohon memaklumkan bahawa terdapat seorang saksi yang hadir di hadapan Lembaga Penasihat iaitu Lim Ah Hua yang merupakan ibu kepada Pemohon. Lembaga Penasihat seterusnya telah bertanya kepada Pemohon sama ada Pemohon ingin memohon sebarang penangguhan bagi melantik peguam atau memanggil saksi-saksi lain. Pemohon kemudiannya telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak ingin memohon penangguhan dan Pemohon telah bersedia untuk pendengaran persidangan representasi Pemohon dijalankan dan diteruskan pada hari tersebut. Sesungguhnya, prosiding representasi Pemohon telah dijalankan di hadapan Lembaga Penasihat pada 08-12-2020 jam 9.00 pagi dalam Bahasa Malaysia dan telah diterjemahkan kepada Pemohon dalam Bahasa Mandarin oleh INSPEKTOR POLIS NG CHUN JIE.**

...

19. Merujuk Kepada perenggan 46, 47, 48 49, 50, 51, 52, dan 53, saya sesungguhnya menafikan keseluruhan dakwaan Pemohon tersebut dan mengulangi semula pernyataan saya di perenggan 8 hingga 13 di atas. **Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Pemohon hanya memanggil seorang saksi semasa prosiding representasi Pemohon, iaitu ibu Pemohon yang telah memberi keterangan secara bersumpah. Lembaga Penasihat juga telah bertanya sama ada Pemohon ingin melantik peguambela atau memanggil saksi-saksi lain dan Pemohon sendiri telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak ingin melantik peguambela dan tidak ingin memohon apa-apa penangguhan dan Pemohon bersedia untuk pendengaran persidangan representasi Pemohon dijalankan dan diteruskan pada hari tersebut. Saya juga menegaskan bahawa Pemohon tidak pernah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat berkenaan hasrat Pemohon untuk memanggil INSPEKTOR POLIS JASWIT KAUR A/P RANJIT SINGH dan DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM sebagai saksi.** Oleh itu, saya menafikan dakwaan Pemohon di dalam perenggan-perenggan tersebut. Saya juga menegaskan bahawa Pemohon juga tidak pernah memohon salinan rakaman percakapan Pemohon daripada Lembaga Penasihat semasa prosiding representasi tersebut berlangsung. Sesungguhnya, perkara itu tidak pernah berlaku dan hanyalah rekaan Pemohon semata-mata. Saya juga ingin menegaskan bahawa Lembaga Penasihat tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengemukakan sebarang dokumen kepada Pemohon. Lembaga Penasihat hanya bertanggungjawab untuk mendengar dan mempertimbangkan representasi Pemohon sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Akta tersebut dan Kaedah-kaedah tersebut. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa prosiding representasi Pemohon telah dibuat dengan suci hati dengan mengambil kira keterangan yang tepat dan benar serta telah mematuhi semua keperluan peruntukan di bawah undang-undang.”

4. Seterusnya rujukan dibuat kepada Afidavit Jawapan Inspektor Polis Ng Chun Jie yang berkaitan adalah seperti di bawah:

***"Afidavit Jawapan Inspektor Polis Ng Chun Jie,
Jurubahasa Mandarin (Prosiding Representasi)***

5. Pada 08-12-2020, saya telah diarahkan untuk bertugas sebagai Jurubahasa Mandarin sepanjang persidangan representasi Pemohon. Sebelum penterjemahan dilakukan, saya telah berbual-bual terlebih dahulu dengan Pemohon dalam Bahasa Mandarin untuk memastikan bahawa Pemohon memahami Bahasa Mandarin yang saya gunakan. Setelah saya berpuas hati Pemohon memahami Bahasa Mandarin yang saya gunakan, saya telah membuat penterjemahan terhadap segala penerangan Lembaga Penasihat berkenaan dengan hak-hak Pemohon untuk memanggil saksi-saksi Pemohon dan hak-hak Pemohon untuk diwakili peguam semasa persidangan representasi Pemohon. Seterusnya, saya telah membuat penterjemahan sepanjang prosiding representasi Pemohon berkaitan dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadap Pemohon sebelum prosiding bermula. **Pemohon telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak ingin melantik peguam bela dan Pemohon bersedia untuk meneruskan pendengaran representasi pada hari tersebut. Lembaga Penasihat juga telah bertanya sama ada Pemohon ingin memanggil saksi-saksi Pemohon. Pemohon seterusnya telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa terdapat seorang saksi yang hadir di hadapan Lembaga Penasihat iaitu Lim Ah Hua, yang merupakan ibu kepada Pemohon. Lembaga Penasihat seterusnya telah bertanya pada Pemohon sama ada Pemohon ingin memohon apa-apa penangguhan bagi tujuan melantik peguam atau memanggil saksi-saksi lain. Pemohon kemudiannya telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak ingin melantik peguambela dan tidak ingin memohon apa-apa penangguhan dan Pemohon bersedia untuk pendengaran persidangan representasi Pemohon dijalankan dan diteruskan pada hari tersebut. Seterusnya, prosiding representasi Pemohon telah dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan telah diterjemahkan kepada Pemohon dalam Bahasa Mandarin oleh saya. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa Pemohon telah memahami segala terjemahan yang saya lakukan.**

Sesungguhnya, tiada pelanggaran terhadap peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta tersebut") serta Kaedah 3(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 (seterusnya dirujuk sebagai "Kaedah-Kaedah tersebut") Lembaga Penasihat sepanjang prosiding representasi Pemohon tersebut berlangsung.

...

8. Merujuk kepada perenggan 46, 47, 48, 49, 50 dan 51 Afidavit Pemohon, saya menafikan dakwaan-dakwaan Pemohon tersebut dan mengulangi pernyataan saya di perenggan 4 hingga 7 di atas. **Saya menegaskan bahawa Pemohon telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon tidak ingin melantik peguambela dan tidak ingin memohon apa-apa penangguhan bagi tujuan melantik peguam mahupun memanggil saksi-saksi lain. Pemohon juga telah menyatakan bahawa Pemohon bersedia untuk pendengaran persidangan representasi Pemohon dijalankan dan diteruskan pada hari tersebut. Sesungguhnya, saya juga menyatakan bahawa Pemohon tidak pernah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat berkenaan hasrat Pemohon untuk memanggil INSPEKTOR POLIS JASWIT KAUR A/P RANJIT SINGH dan DETEKTIF SARJAN YOU JUN LIM sebagai saksi. Oleh itu, saya menafikan dakwaan Pemohon di dalam perenggan-perenggan tersebut.** Saya juga menegaskan bahawa Pemohon juga tidak pernah memohon salinan rakaman percakapan Pemohon daripada Lembaga Penasihat semasa prosiding representasi tersebut berlangsung. Sesungguhnya, perkara itu tidak pernah berlaku dan hanyalah rekaan Pemohon semata-mata. Saya sesungguhnya menyatakan perkara yang benar memandangkan saya sendiri telah bertindak sebagai Jurubahasa Mandarin kepada Pemohon dan telah menterjemahkan semua penerangan dan pertanyaan Lembaga Penasihat kepada Pemohon serta saya juga selanjutnya telah menterjemahkan semula pernyataan dan maklumbalas Pemohon kepada Lembaga Penasihat

dengan teratur. Sesungguhnya, saya telah menjalankan tugas dengan teratur dan tanpa sebarang kepentingan terhadap kes Pemohon ini.”

5. Seterusnya rujukan harus dibuat kepada Artikel 151(1)(a) dan bagi memudahkan rujukan diperturunkan di sini dengan ayat asal:

‘Article 151. Restrictions on preventive detention.

(1) Where any law or ordinance made or promulgated in pursuance of this Part provides for preventive detention—

(a) the authority on whose order any person is detained under that law or ordinance shall, as soon as may be, inform him of the grounds for his detention and, subject to Clause (3), the allegations of fact on which the order is based, and shall give him the opportunity of making representations against the order as soon as may be;

(b) no citizen shall continue to be detained under that law or ordinance unless an advisory board constituted as mentioned in Clause (2) has considered any representations made by him under paragraph (a) and made recommendations thereon to the Yang di-Pertuan Agong within three months of receiving such representations, or within such longer period as the yang di-Pertuan Agong may allow.

(2) An advisory board constituted for the purposes of this Article shall consist of a chairman, who shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong and who shall be or have been, or be qualified to be, a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or a High Court, or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court, and two other members who shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong.

(3) This Article does not require any authority to disclose facts whose disclosure would in its opinion be against the national interest.’

6. Walaupun sekiranya Pemohon ada memohon untuk memanggil saksi-saksi (yang mana in dinafikan oleh pihak Responden)

kuasa untuk mengeluarkan sapina kepada mana-mana saksi merupakan budibicara pihak Lembaga Penasihat.

7. Merujuk pada seksyen 12 Akta tersebut, seperti yang berikut:

'Setiap Lembaga Penasihat hendaklah, bagi maksud Akta ini tetap tertakluk pada seksyen 14, mempunyai semua kuasa sebuah mahkamah bagi memanggil dan memeriksa saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar dan bagi memaksa pengemukaan dokukmen.

Sepertimana penghakiman YA Abdul Hamid Mohamad dalam kes Lee Kew Sang,

'If there is no such procedural requirement, then there cannot be non-compliance thereof.'

Kuasa mengeluarkan sapina adalah kuasa budi bicara mutlak Penasihat sebagaimana diperuntukan oleh seksyen 12 tersebut. Di dalam kes ini, Pemohon tidak pernah menyatakan kepada Lembaga Penasihat sama ada untuk memanggil saksi-saksi mahupun untuk memohon penangguhan untuk kehadiran saksi-saksi tersebut

8. Seksyen 12 tersebut bukan peruntukan undang-undang yang memberikan hak mandatori kepada Pemohon untuk memohon sapina. Tiada sebarang peruntukan yang memberi hak kepada orang tahanan untuk memohon sapina untuk memanggil saksi.
9. Berdasarkan Perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, pihak Responden hujahkan bahawa kehendak prosedur mandatori yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:
- (a) Pemohon hendaklah dimaklumkan tentang alasan-alasan yang di atasnya perintah itu diasaskan;
 - (b) Pemohon hendaklah dimaklumkan tentang pengataa-pengataa fakta yang atasnya perintah itu dibuat; dan
 - (c) Pemohon hendaklah diberikan hak untuk membuat representasi secepat mungkin.

10. Berdasarkan affidavit-afidavit yang dikemukakan dan keterangan yang diberikan, Mahkamah ini berpendapat bahawa tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasinya kepada Lembaga Penasihat dengan kadar yang secepat mungkin. Kesilapan menaip juga telah diterangkan melalui affidavit tersebut. Dengan yang demikian kesemua kehendak Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan tersebut telah dipatuhi dan **tiada ketidakpatuhan** sepertimana yang dibangkitkan oleh Pemohon.
11. Mahkamah ini berpendapat Pemohon telah diberikan hak yang secukupnya. Tambahan pula, semasa sesi persidangan representasi, peluang telah diberikan kepada Pemohon untuk memohon penangguhan persidangan representasi tersebut dan ditolak oleh Pemohon sendiri. Mahkamah mendapati bahawa isu keempat dan kelima adalah tidak bermerit.

D. KESIMPULAN

Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini mendapati bahawa terdapat merit pada isu pertama, kedua dan ketiga. Oleh kerana itu, Mahkamah membenarkan permohonan Pemohon untuk satu perintah Writ Habeas Corpus dikeluarkan.


(NORSHARIDAH BINTI AWANG)
Pesuruhjaya Kehakiman

Tarikh: 27 Disember 2021

